



PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

SEMARAK KEMERDEKAAN PERKUKUH PERPADUAN DAN PATRIOTISME BERSAMA KOMUNITI SIKH (MALAYSIA GURDWARAS COUNCIL)

KUALA LUMPUR, 30 OGOS 2026 - Semangat kemerdekaan perlu terus disemarakkan sebagai asas memperkukuh perpaduan dan jati diri rakyat, khususnya dalam kalangan generasi muda, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Hussin berkata, penghayatan kemerdekaan bukan sekadar diraikan menerusi sambutan dan acara tahunan, sebaliknya perlu menjadi wadah pendidikan untuk menyemai kesedaran tentang pengorbanan generasi terdahulu dalam membina negara yang aman dan berdaulat.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Khas Semarak Kemerdekaan Malaysia Gurdwaras Council di Multipurpose Hall, Wisma Tatt Khalsa, hari ini. Program berkenaan menjadi platform memperkukuh hubungan dan perpaduan antara komuniti Sikh dan AKM dalam usaha menyemai nilai kenegaraan serta semangat cintakan negara.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Malaysia Gurdwaras Council atas komitmen menganjurkan program yang memberi penekanan kepada nilai kemerdekaan dan patriotisme, khususnya kepada generasi muda.

Menurut beliau, komuniti Sikh telah memberikan pelbagai sumbangan kepada pembangunan dan kemajuan negara, termasuk dalam pasukan keselamatan, bidang profesional, keusahawanan, ekonomi serta kerja-kerja kebajikan yang merentasi batas bangsa dan agama.

“Sumbangan ini mencerminkan semangat kebersamaan dan kesatuan sebagai rakyat Malaysia yang selari dengan nilai-nilai Malaysia MADANI,” katanya.

Dalam mendepani cabaran dunia tanpa sempadan dan perkembangan media sosial, beliau berkata usaha memupuk semangat patriotisme perlu terus diperkasa agar generasi muda membesar sebagai rakyat Malaysia yang berilmu, berakhlak dan mempunyai kecintaan yang tinggi terhadap negara.

Sehubungan itu, beliau berharap institusi dan komuniti setempat dapat memainkan peranan lebih aktif dalam menyemai nilai perpaduan, kasih sayang dan tanggungjawab terhadap negara secara berterusan.

Beliau turut berharap program bersama komuniti Sikh dapat dilaksanakan secara berkala sebagai manifestasi komitmen Kerajaan MADANI untuk mendekati rakyat dan memastikan agenda perpaduan serta kesejahteraan diterjemahkan melalui pelaksanaan yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat.

Program tersebut turut mencerminkan kerjasama erat antara Malaysia Gurdwaras Council dan AKM Wilayah Persekutuan dalam menjayakan usaha menyemarakkan semangat kemerdekaan dan memperkukuh keharmonian masyarakat majmuk di negara ini.

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

PEJABAT PERDANA MENTERI

28 Ogos 2026

-TAMAT -